

SIARAN MEDIA

3 September 2013

EKUINAS MEMANGKIN INDUSTRI EKUITI PERSENDIRIAN MALAYSIA MELALUI PENGEMBANGAN PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

Fakta Utama: -

- Lima (5) firma Ekuiti Persendirian (PE) tempatan telah dipilih di bawah Program Penyumberan Luar (*Outsourced Programme*) Ekuinas untuk mengurus dan membuat pelaburan menggunakan dana yang disediakan oleh Ekuinas dan pelabur persendirian.
- Di bawah Fasa Ke-Dua (*Tranche II*) ini, Ekuinas memperuntukkan modal tambahan sebanyak RM240 juta bersama modal pelabur persendirian sejumlah RM133 juta yang menjadikan jumlah keseluruhan **RM373 juta** untuk pelaburan modal pertumbuhan dalam syarikat-syarikat Bumiputera dan Malaysia berpotensi tinggi.
- Ini menjadikan jumlah yang disediakan untuk pelaburan di bawah Program Penyumberan Luar (*Outsourced Programme*) Ekuinas sebanyak **RM925 juta**, di mana 30% adalah dari dana persendirian selaras dengan hasrat kerajaan untuk menggalakkan kerjasama awam - swasta.
- Program Penyumberan Luar Fasa Ke-Dua Ekuinas memberi tumpuan lebih kepada pembangunan industri ekuiti persendirian yang masih baru di Malaysia menerusi sokongan kepada firma PE Bumiputera dan Malaysia berpotensi tinggi untuk memperluas jangkauan ekuiti persendirian sebagai penyedia modal alternatif kepada syarikat-syarikat tempatan yang giat berkembang.

KUALA LUMPUR, 3 September 2013: Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, hari ini mengumumkan bahawa lima (5) syarikat ekuiti persendirian (PE) Malaysia telah berjaya dilantik di bawah Program Penyumberan Luarnya untuk mengurus dan membuat pelaburan bagi pihak Ekuinas dan pelabur persendirian yang lain.

Di bawah Program Penyumberan Luar ini, Ekuinas memperuntukkan modal kepada firma PE pihak ketiga terpilih yang kemudiannya mengumpul dana tambahan daripada pelabur persendirian. Ini seterusnya memperluaskan lagi dana modal untuk dilaburkan dalam

syarikat-syarikat Bumiputera dan Malaysia berpotensi tinggi, sejajar dengan mandat Ekuinas untuk menjalankan aktivitiinya melalui model kerjasama awam - swasta.

Lima (5) firma PE Bumiputera dan Malaysia telah dipilih setelah satu proses pemilihan komprehensif yang dijalankan berdasarkan amalan-amalan terbaik firma ekuiti persendirian global. Tael Partners, RM Capital Partners, Tuas Capital Partners dan CMS Opus Private Equity telah dilantik sebagai pengurus ekuiti persendirian di bawah Fasa Ke-Dua bagi Program Penyumberan Luar ini manakala firma Asiasons telah dipilih sebagai pengganti pengurus PE di bawah Program Penyumberan Luar Fasa Pertama yang telah dilancarkan sebelum ini.

Pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM) ini telah dipilih berdasarkan kriteria pemilihan yang meliputi rekod prestasi pelaburan terdahulu, pengalaman pakar, proses pelaburan yang mantap, keupayaan mereka untuk meningkatkan modal luaran dan sejajar dengan keperluan pelaburan dan garis panduan Ekuinas.

Pemilihan OFM dan Pelancaran Program Penyumberan Luar Fasa Ke-Dua tersebut telah diumumkan oleh Ekuinas pada majlis di Petaling Jaya pagi ini, yang telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar.

Menyambut baik keputusan Ekuinas di atas perlanjutan Program Penyumberan Luar, YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid berkata dalam ucapannya, "Di bawah Fasa Ke-Dua yang baru dilancarkan ini, Ekuinas telah memperuntukkan sebanyak RM240 juta yang akan diagihkan di antara OFM yang dilantik. Pihak OFM yang dipilih ini telah berjaya menarik modal tambahan sebanyak RM133 juta daripada pelabur persendirian, menjadikan jumlah modal sedia untuk pelaburan sebanyak RM373 juta."

"Bersama-sama dengan jumlah modal terdahulu yang diperuntukkan di bawah Fasa Pertama, ini membawa jumlah yang diperuntukkan oleh Ekuinas di bawah Program Penyumberan Luarnya kepada RM640 juta dengan jumlah keseluruhan yang disediakan untuk pelaburan kini berjumlah RM925 juta."

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda sebelum itu dalam ucapannya menekankan, "Untuk Fasa Ke-dua ini, Ekuinas akan memberi tumpuan yang lebih kepada peranannya dalam membangunkan industri PE di Malaysia. Dana modal telah diperuntukkan kepada firma-firma PE Bumiputera dan Malaysia yang berkebolehan, dengan matlamat untuk membangunkan mereka bagi membantu meluaskan jangkauan ekuiti persendirian sebagai penyedia modal alternatif untuk pertumbuhan syarikat-syarikat tempatan yang berpotensi tinggi. "

Firma-firma PE yang kini menjadi OFM Ekuinas ini akan menggunakan dana yang diperuntukkan terutamanya dalam melaksanakan pelaburan pertumbuhan modal minoriti di antara RM10 juta hingga RM30 juta di dalam syarikat-syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi. 70% daripada dana yang diperuntukkan oleh Ekuinas akan dikhususkan kepada pelaburan di dalam syarikat-syarikat Bumiputera.

Dalam pembentangan beliau mengenai Program Penyumberan Luar ini, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Dato' Abdul Rahman Ahmad berkata, "Kami berbesar hati memilih firma-firma PE tempatan yang kami percaya mempunyai kelayakan dan pengalaman dalam mengenal pasti dan membantu syarikat-syarikat terbaik di pasaran. Kesemua firma ini telah diberi syarat and memberikan komitmen untuk memberi keutamaan melabur di dalam syarikat-syarikat Bumiputera yang berpotensi tinggi, selaras dengan objektif Ekuinas untuk meningkatkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama melalui pembentukan syarikat-syarikat terkemuka generasi akan datang".

Proses pemilihan bagi Program Penyumberan Luar Ekuinas yang bermula pada tahun 2012 menyaksikan 30 firma menyatakan minat untuk turut serta, di mana 16 syarikat telah

mengemukakan cadangan dan 7 disenarai pendek untuk melalui proses ketekunan wajar secara terperinci, sebelum pemilihan dibuat.

Program Penyumberan Luar Ekuinas kini mempunyai tujuh (7) syarikat portfolio pelaburan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM177.3 juta daripada RM400 juta yang diperuntukkan oleh Ekuinas. Program ini sedia untuk terus berkembang dengan bermulanya Fasa Ke-Dua hari ini.

###

Mengenai Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Dengan bermodalkan dana peruntukan kerajaan bernilai RM5 bilion di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10, Ekuinas berhasrat menubuhkan syarikat-syarikat terkemuka generasi baru Malaysia di samping menggalakkan penglibatan golongan Bumiputera dalam bidang ekonomi secara saksama, berkesan dan berkekalan. Setakat ini, Ekuinas telah melaksanakan pelaburan dalam syarikat-syarikat berpotensi tinggi Malaysia yang terlibat dalam perniagaan barangan pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan dan peruncitan.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Adli Abdul Karim, Weber Shandwick, AAbdulKarim@webershandwick.com (03) 6209 5222

Anis Azharuddin, Weber Shandwick, AAzharuddin@webershandwick.com (03) 6209 5217